

Sektor peruncitan paling banyak daftar GST

PULAU PINANG 12 Nov. - Sektor peruncitan termasuk perniagaan borong serta perkhidmatan membaiki kenderaan paling banyak berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bagi pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST).

Pengarah GST JKDM, Datuk T. Subromaniam berkata, sehingga 8 November lalu, jumlah terkini pemilik perniagaan kategori berkenaan yang berdaftar dengan pihaknya ialah sebanyak 147,505 diikuti pembinaan sebanyak 70,275.

Katanya, bagi entiti perniagaan pula, sebanyak 218,432 syarikat telah mendaftar yang merupakan jumlah terbanyak.

"Angka terkini juga menunjukkan jumlah keseluruhan sektor yang berdaftar bagi pelaksanaan GST ialah sebanyak 393,534," katanya ketika berucap dalam Seminar

Harga Air di sini hari ini.

Sementara itu katanya, sehingga kini masih terdapat syarikat yang belum berdaftar untuk melaksanakan GST dan menggesa supaya segera berbuat demikian bagi mengelakkan dikenakan tindakan.

Berhubung jadual pemulangan semula wang bagi pelancong yang membeli-belah di negara ini, beliau berkata, sehingga 31 Oktober lalu, sebanyak 126,718 orang telah menikmati faedah ketika membeli-belah selepas pelaksanaan GST.

Bagaimanapun katanya, terdapat juga kes yang kelewatan proses pemulangan dihadapi pelancong atas beberapa faktor.

"Antaranya termasuklah maklumat perbankan yang tidak lengkap selain maklum balas yang lewat daripada pemohon ketika proses berkenaan," katanya.